

KEFAHAMAN ASPEK LINGUISTIK DALAM MENELITI PERKEMBANGAN KOGNITIF KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Anida Binti Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, dan Ahmad Khair Mohd Noor

Universitas Pendidikan Sultan Idris Malaysia

anida@fbk.upsi.edu.my, dahlia@fbk.upsi.edu.my, zulkifli@fbk,upsi.edu.my, khair@fbk.
upsi.edu.my

Abstract

This study focuses on the mastery of cognitive aspects, namely aspects of knowledge, understanding, application, analysis, synthesis, and assessment in measuring the potential of children's language. In addition, this study also examines the implementation of pre-school teacher learning in improving the cognitive aspects of children. This study emphasizes the aspect of Bloom's taxonomy (1956) as a measurement idea in examining the cognitive level of children covering low to high levels based on five language areas, namely phonology, morphology, syntactic, semantic, and pragmatic. A total of 75 children between the ages of 3 and 5 were randomly selected for interviews and measured through the Planning Assessment Instrument at five selected nursery sites. The results of the study found that the application of pre-school teachers does not measure the cognitive domain of children holistically, but only involves certain components. Analysis also shows that the level of cognitive mastery of children begins at the highest level. This is because they can answer questions in semantic and pragmatic fields, ie at the level of assessment and analysis. This ability illustrates that children at age 3 to 5 years are sensitive to their environment so they can relate the experience with the stimulus shown. Teachers should be aware of the cognitive level of these children based on more practical methods and techniques. Measurements of cognitive aspects need to be done holistically, not excluding certain components alone as the level of measurement. Instead, it is tested with various linguistic fields as it represents the achievement of the language as a whole. This proves that pedagogical planning is necessary in identifying the cognitive potential of pre-school children in the 21st century.

Keywords: Cognitive, Blom Taxonomy, Phonology, Morphology, Syntax, Semantics, Pragmatic, Kids

Abstrak

Kajian ini memfokuskan penguasaan aspek kognitif, yaitu aspek pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian dalam mengukur potensi berbahasa kanak-kanak. Selain itu, kajian ini turut meneliti pelaksanaan pembelajaran guru prasekolah dalam meningkatkan aspek kognitif kanak-kanak. Kajian ini menekankan aspek taksonomi Bloom (1956) sebagai gagasan pengukuran dalam meneliti tahap kognitif kanak-kanak yang meliputi peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi berteraskan lima bidang bahasa, yaitu fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan pragmatik. Sebanyak 75 orang kanak-kanak yang berusia antara 3 hingga 5 tahun dipilih secara acak untuk ditemu bual dan diukur melalui Instrumen Penilaian Terancang

di lima lokasi taska terpilih. Hasil penelitian mendapati bahwa penerapan pembelajaran guru-guru prasekolah tidak mengukur domain kognitif kanak-kanak secara holistik, sebaliknya hanya melibatkan komponen-komponen tertentu saja. Analisis juga menunjukkan bahwa tahap penguasaan kognitif kanak-kanak bermula daripada aras yang paling tinggi. Hal ini karena mereka dapat menjawab soalan dalam bidang semantik dan pragmatik, yaitu pada aras penilaian dan analisis. Keupayaan ini menggambarkan bahwa kanak-kanak pada usia 3 hingga 5 tahun ini peka kepada alam persekitaran mereka sehingga mereka dapat menghubungkan pengalaman dengan bahan rangsangan yang ditunjukkan. Seharusnya guru perlu mengesan tahap kognitif kanak-kanak ini berlandaskan kaedah dan teknik yang lebih praktikal. Pengukuran aspek kognitif perlu dilakukan secara holistik, dengan tidak mengesampingkan komponen tertentu saja sebagai aras pengukuran. Sebaliknya, ia diuji dengan pelbagai bidang linguistik kerana ia mewakili pencapaian bahasa secara keseluruhannya. Hal ini membuktikan bahawa perancangan pedagogi amat perlu dalam usaha mengenal pasti potensi kognitif kanak-kanak prasekolah dalam abad 21.

Kata Kunci: *Kognitif, Taksonomi Blom, Fonologi, Morfologi, Sintaksis, Semantik, Pragmatik, Kanaka-kanak*

1. Pendahuluan

Kajian ini memfokuskan pencapaian aras kognitif yang dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah, khususnya dalam aspek bahasa. Dalam usaha memperbaiki amalan pengajaran prasekolah khususnya dalam bidang bahasa, kurikulum seharusnya berpegang kepada Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-kanak Negara, iaitu setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian (Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara, 2009). Berdasarkan kepada asas kukuh ini, maka banyak kajian-kajian telah dilakukan bagi menambah baik domain kognitif kanak-kanak yang kelihatan tidak diukur dengan sebaiknya. Melalui kajian-kajian tersebut, hasil yang dapat dikenal pasti ialah pendekatan amalan guru yang sebahagiannya mengukur kemahiran kognitif dalam aspek-aspek tertentu sahaja dan tidak secara holistik. Misalnya, dalam aspek bahasa sesetengah guru hanya menilai daripada kebolehan mendengar dan bertutur sahaja. Namun, tidak pula disusuli dengan instrumen yang boleh memperlihatkan tahap kognitif mereka. Sesetengah guru juga mengukur kemahiran kognitif dalam aspek kreativiti dan estetika. Aspek kreativiti dan estetika tidak dijana melalui aktiviti sahaja, tetapi diukur juga melalui bahasa yang diujarkan. Tetapi penilaian aspek bahasa ini tidak diberi tumpuan.

Kajian menunjukkan bahawa guru pendidikan awal kanak-kanak mempunyai pengetahuan yang terhad dalam aspek penilaian perkembangan kanak-kanak akibat pendekatan latihan pra perkhidmatan yang berunsurkan teori dan mengetepikan ataupun memperlekehkan pengaplikasian teori. Bakal guru perlu diberi pendedahan kepada input yang dapat merealisasikan matlamat pelaksanaan penilaian yang meliputi keperluan perkembangan secara holistik meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Jika perkembangan kanak-kanak hanya diukur dari sudut repertoir tingkah laku, pelaksanaan aspek JERI (jasmani, emosi, rohani dan intelek) tidak akan tercapai secara holistik. Oleh itu, matlamat penilaian haruslah berfokus kepada setiap aspek tersebut agar menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bertitik tolak daripada permasalahan ini, satu pendekatan lain yang diyakini mampu meneliti perkembangan kognitif kanak-kanak ialah melalui penerapan bidang linguistik yang mampu memberi impak dalam perkembangan domain kognitif mereka. Pedagogi terancang perlu dilakukan bagi memastikan prestasi kognitif dapat dicungkil dalam diri kanak-kanak tersebut. Selain itu, bahan ransangan juga amat memberi kesan dalam usaha menggarap idea dan menjana pemikiran kanak-kanak Guru-guru prasekolah perlu bijak dalam menggunakan bahan rangsangan dan mahir dalam menilai ujaran yang diucapkan oleh kanak-kanak. Selain itu, dorongan dan galakan perlu juga diambil berat dalam usaha menggarap prestasi kognitif kanak-kanak ini. Kata-kata pujian, ganjaran dan berkongsi pengalaman merupakan satu teknik yang baik untuk menggalakkan kanak-kanak ini bertutur.

Penguasaan aspek linguistik dalam kalangan guru-guru prasekolah perlu kerana kefahaman aspek bahasa dapat diukur dengan sebaiknya. Selain memiliki sijil kelayakan yang diiktiraf, guru-guru prasekolah juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi yang diiktiraf bukan sahaja dalam aspek yang diajarnya. Kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa antara sebab yang membawa kepada fenomena guru tidak berkualiti berlaku kerana ketidaksepadanan opsyen dengan kepakaran mereka. Kajian juga mendapati bahawa guru tidak suka membaca dan keadaan ini akan membuatkan guru tersebut terhad terhadap ilmu yang dikuasainya dan tidak berkembang. Guru perlu sedar bahawa ilmu tidak statik dan ilmu sentiasa mengalami fasa perubahan dan pembaharuan. Sekiranya guru itu menguasai ilmu pengetahuan dan menerapkannya dalam pengajaran dan pembelajaran, sudah pasti pelajar-pelajar dapat menguasai ilmu bahasa Melayu dengan baik. Jika fenomena ini berterusan, situasi ini akan mewujudkan impak yang positif dalam mutu pendidikan bahasa. Bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkualiti, guru perlu sekurang-kurangnya menguasai bidang-bidang linguistik ini supaya dapat memberi nilai tambah terhadap pengetahuan pelajar.

Objek kajian dalam penelitian ini meliputi a) Mengenal pasti potensi bahasa dalam meneliti perkembangan kognitif kalangan kanak-kanak prasekolah dan b) Mengenal pasti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran linguistik dalam meneliti perkembangan kognitif kalangan kanak-kanak prasekolah di dalam kelas.

Definisi Kajian Penilaian ialah kajian yang menilai keupayaan kognitif kanak-kanak prasekolah dalam pelbagai kaedah, manakala Kajian Linguistik pula merujuk kepada kajian yang menumpukan penyelidikan terhadap kanak-kanak prasekolah dalam aspek bahasa. Seterusnya, Kajian Pedagogi pula melihat perkembangan kaedah mahupun teknik pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru prasekolah. Ketiga-tiga kajian ini amat penting dalam usaha menyelidik permasalahan dan kelompongan dari sudut penghuraian, metodologi, penganalisan data serta pemanfaatan teori.

Antara pengkaji yang terlibat dalam Kajian Penilaian ialah Umi Kalsom (2003), Johari Talib dan Nazri Muslim (2006), Sharifah Nor Puteh dan Kamarul Azma Abdul Salam (2011), Latifah Abdul Majid *et.al.* (2012), Zakiah Mohamad Ashari *et.al.* (2013), Aliza Ali dan Zamri Mahamad (2015), dan Inbal Arnon (2015). Misalnya, kajian yang berkaitan ialah Kajian Umi Kalsom Takriff (2003) yang berjudul Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Penilaian Di Prasekolah JAWI yang mendapati bahawa guru mengumpul hasil kerja kanak-kanak ke dalam portfolio tanpa melalui proses pemilihan. Penyemakan pula adalah secara langsung atau spontan di mana guru memberi komen secara lisan tentang kesalahan hasil kerja terus kepada kanak-kanak. Kandungan portfolio meliputi pemerhatian ke atas aktiviti kanak-kanak dan interaksi bersama kanak-kanak selain dari maklumat dari hasil kerja. Namun begitu, kajian ini melibatkan penulisan portfolio tidak dijalankan mengikut prosedur tertentu ditambah pula dengan penglibatan kanak-kanak yang terhad. Dari segi tatacara menilai

kandungan portfolio, kaedah semakan yang paling menonjol adalah secara perbandingan di antara hasil kerja yang terkini dengan yang terdahulu. Dalam keadaan ini, jelas sekali dilihat bahawa perkembangan pelajar tidak diukur pada tahap perkembangan umur mereka tetapi lebih kepada keupayaan antara rakan sebaya dan penekanan dilihat lebih bertumpukan aspek psikomotor. Maka dengan itu, kajian selanjutnya perlu dilakukan bagi menumpukan fokus kajian kepada pemerhatian dalam aspek kognitif dan mengukur keupayaan linguistik mereka dari sudut umur mereka.

Contoh lain Kajian Penilaian yang selanjutnya ialah kajian Zakiah Mohamad Ashari et.al (2013), yang berjudul Keberkesanan Modul Belajar Melalui Bermain Terhadap Kefahaman Pengalaman Pranombor Kanak-kanak Prasekolah menunjukkan bahawa pendekatan belajar melalui bermain penting untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat prasekolah namun kajian di Malaysia mendapati bahawa masih ramai guru prasekolah belum menekankan pendekatan ini dalam pengajaran. Dalam kajian ini, satu modul belajar melalui bermain dengan memfokuskan topik pengalaman pranombor telah dibina dan diaplikasikan supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran awal matematik dapat dilaksanakan oleh guru secara terancang dan sistematik. Teori perkembangan kognitif Piaget dan Vygotsky telah dijadikan asas kepada pembentukan modul pengajaran dengan menggabungkan aktiviti main koperatif dalam aktiviti main kognitif.

Keberkesanan pelaksanaan modul belajar melalui bermain ini diteliti dari segi kesannya terhadap kefahaman kanak-kanak khusus dalam topik pengalaman pranombor. Sampel kajian terdiri daripada 96 orang kanak-kanak dan empat orang guru dari empat buah prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian membuktikan bahawa penggunaan modul pendekatan belajar melalui bermain yang telah dibina dapat meningkatkan tahap kefahaman pengalaman pranombor kanak-kanak prasekolah. Namun begitu, kajian ini masih lagi mengukur perkembangan kognitif kanak-kanak melalui respons berbahasa mereka secara tidak terancang dan sukar untuk guru menilai kefahaman aspek linguistik mereka. Berdasarkan kekangan ini, maka kajian selanjutnya perlu dilakukan bagi memberi tumpuan secara lebih berfokus dalam aspek kognitif melalui respons berkomunikasi dengan mereka secara terancang.


Dalam Kajian Linguistik pula, pengkaji yang terlibat, antaranya ialah Tay Meng Guat (2006), Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin dan Zamri Mahamod (2010), dan Lulu Song *et.al.* (2013). Contoh kajian yang berkaitan ialah kajian Tay Meng Guat (2006), yang berjudul Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis, merupakan kajian awal untuk melihat pemerolehan bahasa kanak-kanak dari segi sintaksis. Subjek kajian ialah seorang kanak-kanak berumur tiga tahun yang merupakan penutur natif bahasa Iban dari Bahagian Dua-Betong. Data yang digunakan untuk analisis kajian ialah data autentik yang diperolehi melalui rakaman audio. Data dianalisis berdasarkan tiga ciri utama aspek sintaksis, iaitu panjang ayat, struktur sintaksis dan jumlah ujaran setiap giliran bertutur. Pengiraan Min Panjang Ujaran atau Mean Length of Utterance (MLU) mengikut Brown's Stages of Development digunakan untuk menentukan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak berkenaan. Namun kajian ini meneliti aspek sintaksis dan mengukurnya menggunakan MLU. Penggunaan MLU lebih kepada mengukur perkembangan penguasaan bahasa kanak-kanak dan bukannya kefahaman bahasa kanak-kanak tersebut. Maka, kajian pengkaji perlu dilakukan bagi meneliti kefahaman bahasa kanak-kanak untuk mengukur perkembangan kognitif mereka.

Seterusnya, dalam Kajian Pedagogi pula, antara pengkaji yang terlibat ialah Fatimah Abdullah *et.al.* (2008), Sandra Rahman *et.al.* (2013), Norsita Ali *et.al.* (2014), Norizah Takiman *et.al.* (2014), Salman Firdaus Sidek *et.al.* (2014), dan Nadege Doignon Camus dan

Daniel Zagar (2014). Contohnya kajian yang berkaitan kajian Norsita Ali *et.al.* (2014) yang berjudul Tinjauan Awal Interaksi Guru-Kanak-Kanak Dalam Pemupukan Kreatif Kanak-Kanak. Menurut kajian mereka, pemupukan pemikiran kreatif sangat penting diterapkan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah kerana mereka merupakan bakal pewaris dan modal insan negara di masa hadapan. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka bagaimana interaksi seharian antara guru dan kanak-kanak dalam perkembangan pemikiran kreatif kanak-kanak di prasekolah KPM. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Subjek terdiri daripada tiga orang guru prasekolah yang mengajar di kelas Prasekolah KPM dan semua kanak-kanak di dalam kelas tersebut diperhatikan. Enam orang kanak-kanak pula telah dipilih sebagai sampel bertujuan. Interaksi guru dan kanak-kanak dilihat dari segi gaya pengajaran, penyoalan dan respons guru terhadap pertanyaan atau jawapan kanak-kanak.

Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap guru memainkan peranan penting dalam menentukan persediaan, penyediaan bahan rangsangan dan emosi guru yang akan mempengaruhi gaya pengajaran guru, emosi serta gaya pembelajaran kanak-kanak. Bahan rangsangan akan mempengaruhi 'mood' dan idea kepada guru untuk bertanya soalan seterusnya memupuk pemikiran kreatif kanak-kanak. Namun begitu, kajian ini hanya bersifat melaporkan dapatan dan bukannya menganalisis dapatan atau respons pelajar tersebut. Maka atas dasar kekangan ini kajian ini akan dilakukan bagi menambah baik aspek pedagogi guru dalam mengukur perkembangan kognitif khususnya dalam aspek bahasa (linguistik) yang mampu difahami pada tahap umur mereka. Secara tidak langsung, kajian pengkaji memberi panduan kepada para guru prasekolah aspek pedagogi yang berkesan dalam memberi penilaian terhadap perkembangan kognitif mereka yang bukan sekadar mengukur kapasiti perkataan yang mereka hasilkan semata-mata dan kebolehan menjawab persoalan guru sahaja.

Benjamin S. Bloom *et al.* (1956) memperkenalkan taksonomi yang melibatkan domain kognitif. Beliau menekankan perkara-perkara yang harus dipelajari oleh pelajar diperingkatkan dari mudah kepada kompleks seperti Gambar di bawah:



Gambar 1. Tahap kognitif aras Taksonomi Bloom

Benjamin (1956) menerangkan domain kognitif kepada perincian setiap peringkat, iaitu:

a. Pengetahuan

Pengetahuan merupakan kebolehan mengingat kembali perkara-perkara khusus, universal, kaedah-kaedah dan proses atau corak, struktur atau keadaan. Kategori ini dibahagikan pula kepada tiga bahagian utama dan tiap-tiap bahagian mempunyai aspek-

aspek keutamaannya sendiri. Tiga bahagian tersebut adalah (1) pengetahuan perkara-perkara khusus yang melibatkan proses mengingat kembali maklumat-maklumat khusus dan tersendiri seperti simbol-simbol dengan petunjuk yang konkrit ditegaskan. Maklumat-maklumat ini merupakan unsur-unsur asas dalam pembentukan pengetahuan yang lebih kompleks. (2) pengetahuan terminologi yang melibatkan kebolehan mengingat kembali petunjuk, simbol, ciri-ciri yang dipelajari oleh murid, dan (3) pengetahuan fakta khusus iaitu kebolehan mengingat kembali fakta-fakta khusus seperti nama, tarikh, tempat, kejadian dan sebagainya.

b. Kefahaman

Kefahaman merupakan kebolehan menghuraikan sesuatu perkara, menukar sesuatu bahan pembelajaran dari satu bentuk kepada bentuk lain (bentuk angka kepada bentuk tulisan). Kefahaman ini adalah peringkat kefahaman yang paling rendah. Kefahaman turut merangkumi penterjemahan, interpretasi dan ekstrapolasi. Penterjemahan merupakan kebolehan menterjemahkan maklumat dari satu bentuk kepada bentuk lain seperti maklumat dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Interpretasi pula menunjukkan kebolehan memberi penerangan, tafsiran mengenai sesuatu maklumat dengan memberi pandangan baru seperti seseorang menerangkan penerangan tentang sesuatu situasi kepada bentuk gambaran atau lukisan. Ekstrapolasi merupakan kebolehan memberi huraian lanjutan daripada maklumat asal seperti daripada suatu set data membuat rumusan tentang sesuatu situasi atau perilaku rakan di dalam kelas.

c. Aplikasi

Aplikasi merupakan kebolehan menggunakan maklumat dan prinsip-prinsip untuk mengatasi sesuatu masalah seperti kebolehan menggunakan prinsip-prinsip campur dan tolak dalam situasi membeli barangan dari kedai runcit.

d. Analisis

Kebolehan memecahkan perkara-perkara besar kepada bahagian kecil tertentu dan kemudian boleh membezakan dan memahami perhubungan di antara tiap-tiap bahagian itu. Misalnya, dalam soalan masalah polarisasi, seseorang boleh menentukan faktor-faktor menyebabkan masalah polarisasi dan perkaitannya dengan kesan masalah ini. Kategori analisis ini diperincikan kepada tiga bahagian, iaitu analisis elemen, perhubungan dan prinsip-prinsip organisasi. Analisis elemen ialah kebolehan mengenal dan membezakan bahagian-bahagian yang terkandung dalam sesuatu maklumat seperti dalam pertumbuhan pokok, seseorang mempunyai kebolehan mengenal pasti faktor utama seperti iklim dan jenis tanah yang diperlukan.

Analisis perhubungan pula merupakan kebolehan memahami perhubungan di antara tiap-tiap bahagian maklumat seperti apabila telah menentuka faktor utama untuk pertumbuhan pokok, kebolehan memahami cara iklim, bentuk muka bumi dan tanah berkait rapat antara satu sama lain, manakala analisis prinsip-prinsip organisasi ialah kemahiran mengenal organisasi, susunan sistematik dan struktur sama ada secara nyata atau tidak nyata. Contohnya, kebolehan mengenal corak, gaya dan penggunaan bahasa dalam sesuatu cerita untuk memahami maksud cerita itu.

e. Sintesis

Kebolehan mengatur dan menggabungkan idea-idea kecil untuk mendapatkan idea baharu. Kemahiran ini meliputi kebolehan merancang sesuatu perkara atau aktiviti.

f. Penilaian

Penilaian ialah kemahiran mempertimbangkan nilai sesuatu bahan untuk tujuan tertentu. Pertimbangan kuantitatif dan kualitatif adalah dibuat berdasarkan kriteria-kriteria atau prinsip-prinsip tertentu.

2. Metode Penelitian

2.1 Sampel Kajian

Peringkat awal kanak-kanak adalah di antara umur dua tahun hingga enam tahun. Ramai ahli psikologi memperakui bahawa kanak-kanak pada peringkat ini mengalami proses perkembangan yang pesat, justeru itu, asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa dan pengasuh memainkan peranan yang sangat penting dalam pertumbuhan dan perkembangan ini (Kamarulzaman Kamaruddin, 2009, p.81). Perkembangan awal kanak-kanak boleh dilihat daripada pelbagai aspek termasuklah perkembangan fizikal dan pergerakan, kognitif, bahasa, emosi, sosial, dan moral.

Dalam meneliti tahap perkembangan kanak-kanak, pakar psikologi seperti Piaget menyatakan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai corak perkembangan yang tersendiri (Azizi Yahaya, et.al., 2005). Dengan sebab itu kanak-kanak dalam sesuatu darjah bukan sahaja berlainan peringkat kebolehan mereka, tetapi juga berlainan kecepatan perkembangan kognitif mereka. Piaget (1969) berpendapat bahawa perkembangan kognitif berlaku dengan berperingkat-peringkat, dan peringkat yang lebih awal adalah mustahak bagi perkembangan peringkat yang berikutnya kerana peringkat yang lebih awal itu menjadi asas kepada perkembangan berikutnya. Antara tahap atau peringkat dalam perkembangan kognitif yang mengikut urutan umur, adalah; (1) tahap sensori motor atau deria motor (sejak dilahirkan hingga 2 tahun), (2) tahap praoperasi (2 tahun hingga 7 tahun), (3) tahap operasi konkrit (7 tahun hingga 11 tahun) dan (4) tahap operasi formal (11 tahun hingga 15 tahun).

Sehubungan dengan kajian ini, penyelidik menumpukan kepada tahap praoperasi iaitu kanak-kanak yang berumur 3 tahun hingga 5 tahun. Pada tahap praoperasi ini, kanak-kanak telah mula menguasai bahasa sebagai ganti gambaran benda-benda itu. Kebolehan menggunakan lambang sebagai ganti benda membebaskan pemikiran kanak-kanak daripada terikat kepada benda atau kejadian yang berkenan. Walau bagaimanapun, perkembangan bahasa pada tahap ini masih awal dan belum mantap lagi. Di samping memperkaya kefahaman tentang alam nyata kanak-kanak juga menambah kesanggupan untuk berimajinasi dan berfantasi di dalam dunia berpura-pura pada tahap ini.

Kamaruddin (1996) memberikan penjelasan berkaitan tugas perkembangan kanak-kanak pada peringkat fasa praoperasi. Fasa praoperasi terbahagi kepada peringkat prakonseptual (2 hingga 4 tahun) dan peringkat intuitif (4 hingga 7 tahun). Tabel di bawah merupakan item-item yang berkaitan dalam fasa praoperasi bagi menjelaskan perkembangan kognitif kanak-kanak pada peringkat tersebut.

Tabel 1: Perkembangan kanak-kanak pada fasa praoperasi

Fasa	Umur	Ciri-ciri	Objek	Ruang	Sebab-musabab
Fasa Praoperasi	2-7 tahun	Pemikiran biasanya tidak disusun mengikut konsep.	Objek sebagai pengalaman masa. tempat.	Ruang tindakan peribadi, konsep ruang belum stabil dan belum bersepadu.	Taakulan sudah bebas daripada pengalaman Wujud taakul jenis penyertaan.

Piaget (1969) turut menyatakan bahawa operasi yang berlaku mesti berasaskan kepada tiga fenomena mental yang penting, iaitu pengamatan, ingatan dan bayangan. Kecerdasan pada tahap ini selalunya dihuraikan sebagai kaku, tegang, ketidaksanggupan membuat kesimpulan dan tidak menumpukan perhatian kepada hubungan antara peristiwa-peristiwa yang berbeza (Azizi Yahaya, *et al.*, 2005). Oleh itu, jika kita kaitkan pula teori yang diasaskan oleh Piaget (1969) dengan teori pembelajaran kognitif Benjamin Bloom yang mempunyai enam kategori, iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian, kanak-kanak tahap praoperasi ini hanya dapat melepasi tahap pengetahuan dan kefahaman yang masih belum mantap. Pembelajaran kognitif pada tahap pengetahuan dan kefahaman merupakan tahap terawal dan mudah. Pada tahap pengetahuan, kanak-kanak sudah berupaya dalam mengingat bahan yang telah dipelajari, manakala tahap kefahaman pula merupakan keupayaan dalam penguasaan makna, menerangkan dan menyatakan sesuatu idea (Suppiah Nachiappan, *et.al.*: 2012).

Dari sudut perkembangan bahasa, pada umur dua tahun, ayat yang dituturkan hanya terdiri daripada dua perkataan sahaja dan bersifat egosentrik, iaitu bercakap tentang diri sendiri. Mereka mula menggunakan simbol untuk mewakili berbagai-bagai aspek alam sekitarnya (Kamarulzaman Kamaruddin, 2009). Walaubagaimanapun, keadaan ini akan berubah dengan berlipat ganda sebanyak dua kali ketika mencapai umur tiga tahun. Ketika berumur empat tahun, kebanyakan kanak-kanak memiliki perbendaharaan kata yang agak luas. Dengan itu, mereka berupaya menggunakan perkataan-perkataan untuk merujuk kepada benda-benda dan peristiwa-peristiwa di sekeliling. Mohd Salleh (1994) menyatakan bahawa perbendaharaan kata yang diketahui oleh kanak-kanak berumur empat tahun meningkat lebih daripada 1000 perkataan.

Bagi kanak-kanak yang didedahkan kepada buku cerita, majala-majalah serta orang dewasa yang berpendidikan didapati penguasaan bahasa mereka meningkat dengan lebih cepat lagi. Rohani (2001) menyatakan bahawa kanak-kanak pada peringkat umur dua tahun hingga lima tahun sudah mencapai kematangan peralatan vokal dan berusaha mengatasi masalah sebutan. Dengan itu, sebutan menjadi bertambah baik dan dapat dikawal. Seterusnya, kanak-kanak pada umur tiga tahun hingga enam tahun sudah boleh menggunakan kata sambung, ayat berlapis, soalan bertag dan ayat pasif. Mereka juga telah dapat menggunakan *speech registers* seperti *assalamualaikum*, *selamat pagi*, *tolong* dan sebagainya.

Dalam konteks domain bahasa khususnya, seseorang kanak-kanak akan melalui tiga proses pemerolehan bahasa iaitu proses pemerolehan komponen fonologi, sintaksis dan semantik. Ketiga-tiga komponen ini dikatakan berlaku secara serentak. Penguasaan

pemerolehan sistem fonologi bermula semasa kanak-kanak dalam lingkungan umur setahun dapat menyatakan perkataan yang mempunyai konteks yang khusus dan hanya difahami oleh orang yang rapat sahaja. Kanak-kanak akan lebih mengenal pasti pemisah bunyi antara hentian bibir /p/ dengan hentian gigi /t/ terlebih dahulu berbanding pemisah antara hentian bibir /p/ dengan hentian lelangit lembut /k/. Menurut Steinberg (1982), oleh sebab gerakan-gerakan mulut dan lidah nyata terlibat dalam penghasilan bunyi-bunyi, tidak hairanlah kanak-kanak cenderung menghasilkan bunyi /m/, /p/ dan /b/ sebelum menghasilkan bunyi-bunyi yang lain. Bunyi hentian /k/ dan /g/ yang melibatkan penggunaan artikulator yang tidak dapat dilihat, pada kebiasaannya lewat dikuasai.

Selain itu, pemerolehan sintaksis bermula semasa kanak-kanak dapat menggabungkan dua atau lebih kata. Steinberg (1982) membahagikan peringkat perkembangan penguasaan sintaksis kepada tiga tahap, iaitu tahap telegraf, morfem dan transformasi. Pada tahap telegraf, kanak-kanak mengucapkan gabungan kata dengan cara amat ringkas kerana berlaku penjimatan kata yang keterlaluan kerana mereka jarang sekali mengucapkan kata-kata tugas dan ayat yang terbina dengan kata-kata inti sahaja (ayat minimal). Pada tahap morfem, mereka mula menggunakan kata-kata dengan lebih rencam daripada tahap telegraf. Contohnya, kata-kata tugas seperti 'ialah', 'adalah', 'tidak', 'bukan', 'dan' dan sebagainya mula wujud dalam ayat.

Dalam usaha merangsang potensi kognitif ini, pengurusan dan pelaksanaan setiap aktiviti kurikulum prasekolah perlu dirancang dengan efektif bagi memperoleh implikasi yang baik terhadap kumpulan ini. Berteraskan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (KPM, 2010), yang mensasarkan peningkatan kualiti pendidikan prasekolah yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani intelek perlu disesuaikan dengan amalan pedagogi profesional selari dengan misi Amalan Bersesuaian dengan Perkembangan Kanak-kanak (ABP) *Developmentally Appropriate Practices*.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran perlu bersifat fleksibel, tetapi terancang, iaitu semua murid terlibat secara aktif melalui pelbagai aktiviti individu, kumpulan dan kelas sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Sebahagian besar kajian menyatakan bahawa interaksi guru dengan kanak-kanak boleh mempengaruhi perkembangan sosial dan kognitif kanak-kanak (Saracho & Spodek, 2007; Brown, Molfese & Molfese, 2008). Oleh itu, interaksi yang terancang merupakan antara pendekatan yang boleh diambil bagi menilai kembali perkembangan kognitif mereka yang boleh diukur dari segi kefahaman ujaran yang dituturkan terhadap mereka.

Bertitik tolak daripada gagasan ini, maka penyelidikan akan mengenal pasti amalan pengajaran yang diamalkan dalam kurikulum prasekolah bagi menjana perkembangan kognitif kanak-kanak dan juga mengenal pasti sejauh mana potensi kognitif kanak-kanak ini dicapai melalui amalan pedagogi terancang yang akan dilakukan. Justeru itu, kajian ini telah memilih 15 orang kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 3 hingga 5 tahun untuk ditemu bual dalam 5 lokasi kajian terpilih.

2.2 Instrumen dan Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan penggunaan kaedah soal selidik, temu bual dan rakaman pencerapan daripada responden yang terlibat. Dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diberi nama Instrumen Penilaian Terancang, pengkaji menemu bual kanak-kanak taska secara separa berstruktur bagi meninjau potensi kognitif kanak-kanak. Instrumen Penilaian Terancang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu setiap satu bahagian diberikan satu set gambar dan disusuli dengan lima (5) set soalan dalam pelbagai bidang linguistik dengan

menerapkan kategori aras soalan berdasarkan Taksonomi Bloom (1956). Selain itu, pengkaji juga melakukan pencerapan, iaitu dengan merekod pengajaran dan pembelajaran (tinjauan PdP) dua orang guru bagi setiap prasekolah.

Kajian ini dilaksanakan di tiga buah daerah di negeri Perak, iaitu daerah Kuala Kangsar, Sungkai dan Ipoh. Ketiga-tiga buah daerah ini dipilih bagi merangkumi kesemua taska yang terdapat di negeri Perak. Sebanyak lima buah taska telah dipilih merangkumi daerah-daerah tersebut. Pemilihan lokasi kajian ini merangkumi kategori taska di kawasan bandar di luar bandar bagi melihat perkembangan kognitif mereka. Berdasarkan penilaian ini, penyelidikan ini dapat melihat kaitan penguasaan aspek pengajaran dan pembelajaran guru-guru dengan perkembangan kognitif kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun. Lokasi kajian yang dipilih ialah Taska PERMATA Sungai Siput, Taska PERMATA Bercham, Taska PERMATA Padang Rengas, Taska PERMATA Teluk Intan dan Taska PERMATA Besout 1.

3. Hasil dan Pembahasan

Berdasarkan pencerapan amalan pengajaran guru, kemahiran kognitif kanak-kanak diukur dalam aspek penyebutan dan mengenal abjad. Pencerapan juga menunjukkan bahawa kemahiran kognitif kanak-kanak prasekolah juga diukur melalui kriteria kreativiti dan estetika. Piaget (1969) menyarankan bahawa kanak-kanak belajar melalui pengalaman dan melakukan aktiviti secara hands-on. Dengan kata lain, penyediaan persekitaran yang menarik dan merangsang pembelajaran adalah penting. Persekitaran yang kondusif adalah penting untuk membolehkan kanak-kanak mencipta pengetahuan secara tidak langsung. Untuk tujuan ini, penggunaan sudut pembelajaran yang interaktif sangat berguna bagi menggalakkan perkembangan kreatif kanak-kanak. Sebaliknya, penghafalan maklumat dan pembelajaran bahasa secara latih-tubi ditolak sama sekali oleh Piaget.

Walaupun kepentingan aspek kreativiti dan estetika ini tidak dapat dikesampingkan, namun jelas dilihat perekodan domain kognitif di taska ditumpukan dalam bahagian kreativiti sahaja dan tidak memfokuskan berkaitan penguasaan kognitif dalam aspek bahasa. Sedangkan pengujian kreativiti itu dikesani menggunakan medium bahasa juga. Kreativiti dan estetika perlu diacu melalui aktiviti berbahasa dalam melihat perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah.

3.1 Penguasaan Bahasa Kanak-kanak Berdasarkan Instrumen Penilaian Kemahiran Terancang

Bagi mengukur potensi berbahasa sekaligus mengukur domain kognitif kanak-kanak, kaedah temu bual separa berstruktur berlandaskan rangsangan gambar dilakukan dengan memfokuskan soalan kepada lima (5) aras bidang bahasa seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik. Pembentukan soalan dalam soalan selidik bermula dengan tahap yang mudah atau rendah hingga ke tahap yang lebih sukar atau tinggi. Perincian instrumen penilaian kemahiran terancang dapat dirumuskan dalam Tabel seperti berikut:



Gambar 1 : Gambar soalan selidik

Tabel 2: Perincian Instrumen Penilaian Terancang

Bidang	Aras Kemahiran Taksonomi Bloom					
	Aras Rendah		Aras Sederhana		Aras Tinggi	
	Pengetahuan	Kefahaman	Aplikasi	Analisis	Sintesis	Penilaian
Fonologi	√		√			
Morfologi		√				
Sintaksis				√		
Semantik			√		√	
Pragmatik						√

Instrumen Penilaian Kemahiran Terancang memfokuskan bidang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik. Setiap bidang diwakili dengan beberapa soalan yang merangkumi beberapa aras kemahiran Taksonomi Bloom. Misalnya, dalam bidang fonologi, fokus penilaian tidak sekadar dalam aras kemahiran pengetahuan, sebaliknya turut menilai aras kemahiran aplikasi. Perincian aras soalan dapat dilihat pada tabel 3 berikut:

Tabel 3: Senarai Semak Taburan Soalan Berdasarkan Instrumen Perincian Penilaian Kemahiran Terancang

Tahap Bidang Bahasa	Jenis Soalan	Aras Kemahiran Taksonomi Bloom
FONOLOGI	Nyatakan nama bagi objek dalam gambar 1, 2 dan 3 dengan sebutan yang betul .	PENGETAHUAN
	Sebut ayat pada gambar 1, 2 dan 3.	APLIKASI / ADAPTASI
MORFOLOGI	Yang manakah betul bagi gambar 1, 2 dan 3?	KEFAHAMAN
SINTAKSIS	Apakah ayat sambungan yang sesuai dan betul bagi menggambarkan aksi di dalam gambar 1, 2 dan 3?	ANALISIS
	Tunjuk dua objek yang melambangkan perkataan 'adik' dan 'mainan' dalam gambar 1.	
SEMANTIK	Tunjuk dua objek yang melambangkan perkataan 'saya' dan 'adik' dalam gambar 2.	SINTESESIS
	Tunjuk dua objek yang melambangkan perkataan 'emak' dan 'susu' dalam gambar 3.	
	Tunjuk objek yang berwarna merah dan biru pada gambar 1.	
	Tunjuk riak wajah yang menggambarkan perkataan 'suka' pada gambar 2.	APLIKASI / ADAPTASI
PRAGMATIK	Tunjuk riak wajah yang menggambarkan perkataan 'minum' pada gambar 3.	
	Perbuatan adik di dalam gambar 1.	
	Mengapa kakak memeluk adiknya di dalam gambar 2?	PENILAIAN
	Apakah yang emak sedang lakukan kepada adik di dalam gambar 3?	

Dalam mewujudkan keseimbangan dari segi pengukuran kognitif responden, penyelidik telah merancang aras soalan berdasarkan bidang-bidang linguistik dalam beberapa peringkat sama ada peringkat mudah, sederhana dan tinggi. Taburan soalan yang pelbagai aras membantu pengkaji dalam mengenal pasti penguasaan domain kognitif kanak-kanak prasekolah yang dikaji. Hal ini penting bagi memastikan komponen bahasa yang diperoleh memadai pada tahap umur mereka. Oleh itu, gambar-gambar yang dirangsang diolah dari segi konteks dan situasi bagi menguji penguasaan kognitif yang terserlah dari segi pengucapan ataupun butiran respons mereka. Berikut diperjelaskan taburan soalan berserta Perincian Instrumen Penilaian Kemahiran Terancang yang dilakukan dalam kajian ini. Hasil analisis diperoleh seperti berikut;

Tabel 4: Analisis Taburan Soalan Mengikut Aras Taksonomi Bloom

Aras	Aras Kemahiran	Bilangan Soalan	Peratus (%)
Rendah	Pengetahuan	3	14.3
	Kefahaman	3	14.3
Sederhana	Aplikasi	6	28.5
	Analisis	3	14.3
Tinggi	Sintesis	3	14.3
	Penilaian	3	14.3
Jumlah		21	100

Secara keseluruhannya, terdapat 21 soalan yang dibina berdasarkan aras Taksonomi Bloom merangkumi soalan pada aras rendah, iaitu kemahiran pengetahuan dan kefahaman. Masing-masing berjumlah sebanyak 3 soalan (14.3%), manakala bagi soalan aras sederhana yang diwakili oleh kemahiran aplikasi mengandungi 6 soalan (28.5%) dan 3 soalan (14.3%) bagi kemahiran analisis. Seterusnya, bagi soalan aras tinggi pula terdiri daripada kemahiran sintesis dan penilaian yang masing-masing mengandungi 3 soalan (14.3%) . Misalnya, aras kemahiran aplikasi diukur pada soalan jenis berurutan, iaitu pada soalan 1 , 3 dan 4 dalam setiap jenis gambar yang diberikan.

Kandungan domain kognitif dalam taksonomi Bloom merangkumi klasifikasi secara hierarki dan kumulatif yang membincangkan hal tentang pengingatan semula atau pengecaman pengetahuan dan perkembangan intelek serta kemahiran sasaran. Domain kognitif yang mengasaskan perubahan tingkah laku juga, merujuk kepada kriteria perkembangan kognitif secara berurutan mengikut aras kesukaran. Klasifikasi yang diberi berasaskan logik dan rasional perkembangan kepelbagaian tahap aras kognitif . Domain kognitif ini menjadi sumber pegangan utama dalam perkembangan pengujian sehingga ke hari ini, sebagai garis panduan dalam membina soalan-soalan yang berkualiti selaras dengan kepelbagaian tahap pemikiran yang ada bagi memantapkan keintelektualan murid. Setiap aras dicerminkan melalui ciri-ciri tingkah laku yang spesifik dalam membentuk serta menggalakkan pemikiran murid kepada kepelbagaian tahap berasaskan binaan soalan yang menggerakkan pemikiran.

Dalam aras **pengetahuan**, sasaran tingkah laku melalui aras kognitif ini meliputi kemahiran seperti memerhati, mengenal pasti dan mengingat maklumat utama dalam peristiwa atau kejadian. Soalan pada aras pengetahuan juga diajukan kepada responden setiap kali untuk menguji keberkesanan maklumat yang diperolehi hasil tindak balas mereka daripada pengalaman persekitaran.

Sebaliknya dalam aras **kefahaman**, pemikiran dikenal pasti melalui kemahiran responden tersebut dalam menterjemahkan idea dalam konteks baru, memahami dan menginterpretasikan maklumat dan fakta, membanding beza, membuat penyusunan idea,

membuat jangkaan dan menyimpulkan sebab akibat daripada teks dengan binaan ayat sendiri serta mengaitkannya dengan keadaan yang sebenar.

Sasaran tingkah laku dalam aras **aplikasi** pula, meliputi kemahiran kanak-kanak untuk memahami maklumat dan idea yang telah dipelajari dan diaplikasi, iaitu diserap dan digunakan dalam situasi baru. Responden dikehendaki menghasilkan ayat berdasarkan gambar dan menjelaskan konteks aktiviti yang terdapat dalam gambar yang diberikan.

Kemahiran kognitif pada aras **analisis**, pula memerlukan kanak-kanak tersebut mengupas atau mengkaji unsur-unsur secara mendalam kepada unsur-unsur kecil serta memperlihatkan pertalian antara unsur-unsur tersebut. Hal ini termasuklah menguji kebolehan responden mengenal pasti maklumat tersirat dan tersurat melalui pengalaman mereka.

Selanjutnya, pada aras **penilaian** pula, responden dikehendaki menilai situasi di dalam gambar yang diukur dalam bidang pragmatik sama ada suka, gembira, riang, sedih, marah dan sebagainya. Hal ini penting bagi mengenal pasti sama ada responden mengetahui emosi yang dipamerkan dalam gambar tersebut.

3.2 Korelasi Penguasaan Aspek Kognitif dengan Pemarkahan Prestasi Responden

Dalam bahagian ini, pengkaji merumuskan pencapaian responden dalam menjawab soalan untuk melihat secara keseluruhan penguasaan bidang bahasa dengan tahap kognitif mengikut Aras Taksonomi Bloom. Tabel 5 di bawah merupakan markah atau pencapaian responden mengikut kategori umur dan tempat (Pusat PERMATA) secara keseluruhan. Cara pengiraan markah setiap responden adalah berdasarkan bilangan soalan yang dapat dijawab yang diwakili sebanyak satu markah bagi setiap soalan. Sebanyak 21 soalan (7 soalan bagi satu gambar) telah diberikan kepada responden. Markah responden dengan mengenal pasti jumlah soalan yang berjaya dijawab dengan betul. Pemarkahan menggunakan pengiraan peratus seperti dalam Tabel 5 di bawah:

Tabel 5 : Pencapaian responden dalam menjawab soalan

Umur	Tempat (Pusat PERMATA)				
	Sg. Siput	Bercham	Pdg. Rengas	Teluk Intan	Besout 1
3 Tahun	76 %	86 %	86 %	71 %	62 %
	48 %	33 %	57 %	48 %	48 %
	33 %	33 %	38 %	38 %	38 %
	5 %	24 %	19 %	33 %	33 %
	0 %	14 %	5 %	10 %	5 %
4 Tahun	100 %	100 %	100 %	100 %	100 %
	71 %	76 %	81 %	90 %	86 %
	52 %	48 %	48 %	52 %	48 %
	14 %	48 %	48 %	48 %	48 %
	5 %	24 %	19 %	14 %	24 %
5 Tahun	100 %	100 %	100 %	100 %	100 %
	100 %	100 %	100 %	100 %	100 %
	95 %	86 %	95 %	100 %	90 %
	48 %	62 %	62 %	76 %	67 %
	24 %	48 %	48 %	43 %	33 %

Petunjuk :

% : Peratus (Per Seratus) – Bilangan jawapan betul / Keseluruhan jawapan = Markah

Dalam proses penganalisis data pencapaian responden dalam menjawab soalan, pengkaji melakukan pengelasan tahap pencapaian responden dengan pembahagian tahap rendah, sederhana dan tinggi. Pembahagian tahap tersebut dirumuskan seperti senarai semak yang berikut:

Tabel 6 : Senarai semak pemarkahan dan tahap pencapaian responden dalam menjawab soalan

Pemarkahan (/ 100%)	Tahap pencapaian
0 – 35 %	Rendah
36 – 69 %	Sederhana
70 – 100 %	Tinggi


Petunjuk:
/ 100% - 'per' 100 peratus

Berdasarkan Tabel 6 di atas, pencapaian responden yang berumur 3, 4 dan 5 tahun dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Kekekapan responden menunjukkan tahap responden yang berumur 3 bersifat negatif berbanding tahap responden yang berumur 4 dan 5 tahun. Hasil dapatan menunjukkan kekekapan responden yang berumur 3 tahun adalah paling tinggi pada tahap rendah seramai 13 orang (17.3%) responden menguasai bidang bahasa dan kognitif, diikuti 8 orang (10.7%) responden pada tahap sederhana dan 4 orang (5.4%) responden pada tahap tinggi. Berbeza pula dengan pencapaian responden umur 4 dan 5 tahun yang menunjukkan seramai 4 orang (5.3%) dan 2 orang (2.5%) responden mencapai tahap rendah, 9 orang (12.0%) dan 7 orang (9.3%) responden pada tahap sederhana serta 10 orang (13.3%) dan 16 orang (21.3%) responden mencapai tahap tinggi. Hasil dapatan dirumuskan seperti di bawah:

Tabel 7 : Kekekapan responden berdasarkan tahap pencapaian responden menjawab soalan

Tempat (Pusat PERMATA)		Sungai Siput		Bercham		Padang Rengas		Teluk Intan		Besout 1		Jumlah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
3 Tahun	R	3	4.0	4	5.3	2	2.7	2	2.7	2	2.7	13	17.3
	S	1	1.3	0	0.0	2	2.7	2	2.7	3	4.0	8	10.7
	T	1	1.3	1	1.3	1	1.3	1	1.3	0	0.0	4	5.3
4 Tahun	R	2	2.7	1	1.3	1	1.3	1	1.3	1	1.3	6	8.0
	S	1	1.3	2	2.7	2	2.7	2	2.7	2	2.7	9	12.0
	T	2	2.7	2	2.7	2	2.7	2	2.7	2	2.7	10	13.3
5 Tahun	R	1	1.3	0	0.0	0	0.0	0	0.0	1	1.3	2	2.7
	S	1	1.3	2	2.7	2	2.7	1	1.3	1	1.3	7	9.3
	T	3	4.0	3	4.0	3	4.0	4	5.3	3	4.0	16	21.3
Jumlah		15	20.0	15	20.0	15	20.0	15	20.0	15	20.0	75	100.0

Petunjuk: K – Kekekapan % - Peratus



Gambar 2 : Graf bar kekerapan responden yang berumur 3 tahun berdasarkan tahap pencapaian responden menjawab soalan

Oleh itu jelaslah bahawa melalui pendekatan yang lebih praktikal, domain kognitif kanak-kanak dapat digarap dengan baik. Pengajaran bahasa berlandaskan kepelbagaian aras kognitif dapat menentukan tahap pemikiran kanak-kanak. Kajian ini telah berhasil memperlihatkan bahawa prestasi kognitif kanak-kanak terdapat dalam pelbagai aras, iaitu aras kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Namun begitu, dilihat kanak-kanak dapat menguasai aras kognitif yang lebih tinggi apabila dapat menjawab soalan yang beraras tinggi berbanding soalan yang beraras rendah. Dalam keadaan ini, dapatlah dibuat rumusan bahawa kanak-kanak pada umur 3 hingga 5 tahun ini sudah berkeupayaan menjana idea pada aras tinggi, tetapi memerlukan kaedah yang efisien dalam memastikan penguasaan kognitif pada aras tinggi dapat digarap. Kurikulum prasekolah perlu memastikan pengajaran komponen bahasa tidak mengkesampingkan elemen linguistik, khususnya kerana merupakan satu kaedah dalam menggarap idea dan pemikiran kanak-kanak prasekolah. Justeru, kerjasama semua guru-guru, sekaligus badan pentadbir perlu memurnikan semula bentuk pengajaran bahasa supaya kemahiran kognitif diterapkan dalam pelbagai peringkat bermula pada tahap yang bawah hingga ke tahap yang lebih tinggi.

4. Kesimpulan

Pihak berwajib seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), dan Pengurusan TASKA perlu memainkan peranan dalam merangka bahan rangsangan, aktiviti dan suasana pembelajaran yang kondusif bagi meyuntik perkembangan minda dan intelek kanak-kanak ke tahap yang lebih tinggi. Kurikulum prasekolah seharusnya ditambah baik dengan input penyelidikan dalam usaha merancang dan membina kurikulum yang lebih baik seiring dengan kehendak dan matlamat yang diinginkan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Kajian-kajian tersebut dapat membantu menilai perspektif pembangunan minda dan intelek kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Oleh sebab itu, sekiranya semakan semula terhadap kurikulum dijalankan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), penumpuan terhadap aktiviti kognitif perlulah dititikberatkan.

Hal ini disebabkan oleh aktiviti kognitif memainkan peranan penting dalam menentukan perubahan tingkah laku manusia seperti yang dikemukakan dalam teori pembelajaran sosial kognitif. Dalam masa yang sama, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga perlulah menyediakan panel perancang strategi dan pemantauan berhubung prinsip-prinsip yang melibatkan bahan kurikulum.

5. Daftar Pustaka

- Aliza Ali dan Zamri Mahamod . (2015). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. Vol. 3 (1). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad. (2012). *SPG Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Oxford Fajar: Kuala Lumpur.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya dan Zurihanmi Zakariya. (2005). *Psikologi Kognitif*. Skudai: Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Danny D. Steinberg. (1982). *Psycholinguistic: Language, Mind and World*: Longman: London
- David R. Krathwohl. (2002). *A Revision of Bloom's Taxonomy: An Overview*. Routledge: London
- Gagne, R.M. (1970) . *The Conditions Of Learning*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Inbal Arnon (2015). What can frequency effects tell us about the building blocks and mechanisms of language learning?. *Journal of Child Language*. Vol 42 (02). 274 – 277. Cambridge University.
- Johari Talib dan Nazri Muslim (2006). Bagaimana kanak-kanak orang Asli gagal di sekolah?. *Jurnal Pengajian Umum*. Bil. 8. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulzaman Kamaruddin (2009). *Psikologi perkembangan: PANDUAN UNTUK GURU*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kamarulzaman Kamaruddin (2009). *Psikologi Perkembangan: Panduan Untuk Guru*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2010). *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lexy J.M. (2007). *Metodologi Penyelidikan Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosda Karya.
- Lulu Song, Elizabeth T. Spier, Catherine S. Tamis- LEMONDA (2013). *Reciprocal influences between maternal language and children's language and cognitive development in low- income families*. *Journal of Child Language*. 1- 22. Cambridge University.
- Nadege Doignon-Camus and Daniel Zagar (2014). *The syllabic bridge: the first step in learning spelling-to-sound correspondences*. *Journal of Child Language*. Vol 41(5). 1147 – 1165. Cambridge University.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Baharudin Abd Wahab dan Zamri Mahamod. (2011). *Multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab*. *Transformasi dan Inovasi Dalam Pendidikan*. Bangi : Fakulti Pendidikan, niversiti KebangsaanMalaysia

- Piaget, J., (1969). *Improving relationship skills for parent conferences*. Teaching Exceptional Children, 28 (1), 29 – 31.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2013). *Dasar perlindungan kanak-kanak negara*. Diperoleh pada Mei 13, 2015 daripada http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=dasar_perindungan_kanak-kanak_negara&lang=bm
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Prasekolah*. Diperoleh pada Mei 13, 2015 daripada <http://www.moe.gov.my/my/prasekolah>.
- Rohani Abdullah. (2001). *Perkembangan Kanak-Kanak: Penilaian Secara Portfolio*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sharifah Nor Puteh dan Kamarul Azma Abdul Salam (2011). *Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. (Level of readiness in using ICT for teaching and its effect on the work and behaviour of preschool pupils)*. Jurnal Pendidikan Malaysia. Vol 36(1). 25 – 34. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah dan Nurul Hidayah Ahmad Zakhi (2012). *Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia. (Integrating noble values and identity formation into kindergarten children through the use of multimedia)*. Jurnal Hadhari Special Edition. 51 – 65. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tay Meng Guat (2006) . Pemerolehan bahasa kanak-kanak: Satu analisis sintaksis. *Jurnal Penyelidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPBL)*, Jilid 7, 87-108.
- Umi Kalsom Takriff (2003). Persepsi guru terhadap pelaksanaan penilaian di prasekolah JAWI. *Tesis Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruth M. Kempson (1991). *Teori Semantik* (Zaiton Ab.Rahman) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saracho, O.N. & Spodek, B. (2007). Early childhood teachers' preparation and the quality of program outcomes. *Early Child Development and Care*, 177(1), 71-91.
- Schacter, D. L. (2001). *The Seven Sins Of Memory*. Houghton Mifflin.
- Suppiah Nachiappan, et.al. (2012). *Pembelajaran Perkembangan Pelajar Edisi Kedua*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Umi Kalsom Takriff. (2003). Persepsi guru terhadap pelaksanaan penilaian di prasekolah JAWI. *Tesis Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin dan Yeo Kee Jiar. (2013). *Keberkesanan modul belajar melalui bermain terhadap kefahaman pengalaman pranombor kanak-kanak prasekolah*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa (ISQAE 2013). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.